

Banjir melanda Terengganu, 144 penduduk dipindahkan

KUALA TERENGGANU 23 Dis. - Banjir mula melanda Terengganu apabila 144 penduduk daripada 26 keluarga di lima buah kampung di daerah Dungun mula dipindahkan setelah rumah mereka dinaiki air malam tadi.

Mangsa terdiri daripada 20 orang di Kampung Seberang Pintasan, 34 orang di Kampung Tanjung Pagar dan 41 orang daripada tujuh keluarga di Penempatan Perumahan Rakyat Termiskin Kampung Bukit Gedut, Pulau Serai.

Turut dipindahkan adalah seramai 20 orang daripada lima keluarga di Kampung Batu Tiong dan 29 orang (empat keluarga) di Kampung Tok Kah.

Sehingga pukul 6 petang ini, kesemua mangsa masih ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Sivik Kampung Seberang Pintasan, Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Serai, Balai Raya Kampung Tanjung Pagar, Balai Raya Batu Tiong dan SK Tok Kah.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri ketika dihubungi memberitahu, banjir disebabkan hujan lebat yang berterusan dan menjejaskan sistem saliran serta pertembungan



PENDUDUK meredah banjir sambil menyelamatkan sebuah motosikal di Kampung Alor Rekam, Pulau Serai, Dungun, semalam.

air pasang.

Menurut beliau, bilangan mangsa dijangka meningkat dengan keadaan cuaca semakin buruk.

Secara keseluruhan kata jurucakap

itu lagi, bacaan paras air di semua sungai utama di negeri itu dicatat di bawah paras berjaga-jaga kecuali Sungai Setiu di Jambatan Permaisuri dengan bacaan 7.99 meter.

Seorang mangsa, **Raihan Dera-man**, 48, ketika ditemui berkata, ini merupakan kali kedua dia sekeluarga terpaksa berpindah ke pusat penempatan banjir sejak tinggal di

PPRT Bukit Gedut, Pulau Serai tiga tahun lalu.

“Berdasarkan pengalaman lalu, kami telah bersiap sedia dari awal bagi menghadapi kemungkinan dilanda banjir tahun ini dengan menyelamatkan perabot dan dokumen penting,” katanya.

Jirannya, **Nashimah Salleh**, 47, pula berharap banjir kali ini tidak seteruk bencana yang berlaku pada 2010 apabila air meningkat ke paras pinggang dan memenuhi rumahnya selain terpaksa mengambil masa lama untuk surut.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Dungun, Datuk Matulidi Jusoh menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan banjir yang melanda.

Beliau turut memuji tindakan segera Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah Dungun yang telah menyalurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir sejurus dipindahkan.

Katanya, semua barang keperluan asas seperti makanan, minuman, makanan basah serta kering sudah dibekalkan sebaik sahaja dilaporkan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) masing-masing.